

KEHIDUPAN AMAN MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

(PEACEFUL LIFE IN THE PERSPECTIVE OF THE QURAN)

Ahmad Kilani Mohamed¹
Ahmad Marzuki Mohamad²
Normala Hashim³

Abstrak

Kehidupan aman dan sejahtera adalah kehidupan yang diidamkan oleh majoriti umat manusia. Sebaliknya kehidupan dalam suasana huru hara yang disebabkan oleh permusuhan dan peperangan sesama manusia perlu dielakkan. Penulisan artikel ini merujuk kepada nas-nas al-Quran dan pandangan sarjana-sarjana muslim berkaitan tema kehidupan aman. Dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa al-Quran pada prinsipnya jelas menganjurkan manusia supaya hidup secara harmoni dengan semua manusia dan mengelak daripada sikap bermusuhan dan berperang. Peperangan menurut al-Quran di bolehkan untuk tujuan mempertahankan diri dan menyelamatkan akidah Tauhid yang menjadi pegangan umat Islam.

Kata kunci: *Kehidupan Aman, Al-Quran, Sarjana Muslim*

Abstract

Peaceful and prosperous life is a life that is desired by the majority of mankind. Instead, living in an atmosphere of chaos caused by hostilities and wars among humans should be avoided. The writing of this article refers to the texts of the Quran and the views of Muslim scholars with regard to the theme of peaceful life. Findings from this study clearly indicate that the principle of the Quran is to encourage people to live in harmony with all human beings and refrain from hostile and belligerent attitude. War according to the Quran is permissible for the purpose of self-defense and saving the faith of Tawhid which became the faith of Muslims.

Keywords: *Peaceful Life, Quran, Muslim Scholars*

2016 GBSE Journal

¹ Profesor Madya, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Tel: +60197639021 E-mail: kilani@utm.my

² Pensyarah Kanan, Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Tel: +60197259790 E-mail: amarzuki@utm.my

³ Pensyarah Kanan, Fakulti Kejuruteraan Awam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Tel: +60137784747 E-mail: normala@utm.my

Pendahuluan

Islam menganjurkan supaya umat manusia hidup secara muafakat, bekerjasama dan bertolak ansur. Islam adalah agama rahmat yang menganjurkan supaya manusia bersikap adil dan ihsan kepada sesama manusia (Ishak bin Abdullah al-Sa'di, 2005). Hidup secara muafakat dan bersikap adil kepada semua pihak hanya wujud kiranya hidup aman menjadi prinsip yang dihormati dan menjadi amalan dalam kehidupan bermasyarakat dan bernegara (Ali Abdul Halim Mahmud, 1994). Islam datang memberi ketenteraman kepada manusia seluruhnya supaya mereka boleh hidup aman dan makmur di dunia ini. Allah SWT berfirman dalam surah al-Maidah, 5:15-16 yang maksudnya:

“Wahai ahli Kitab! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Rasul Kami (Muhammad s.a.w) dengan menerangkan kepada kamu banyak dari (keterangan-keterangan dan hukum-hukum) yang telah kamu sembunyikan dari Kitab suci, dan Ia memaafkan kamu (dengan tidak mendedahkan) banyak perkara (yang kamu sembunyikan). Sesungguhnya telah datang kepada kamu cahaya kebenaran (Nabi Muhammad) dari Allah, dan sebuah Kitab (Al-Quran) yang jelas nyata keterangannya. Dengan (Al-Quran) itu Allah menunjukkan jalan-jalan keselamatan serta kesejahteraan kepada sesiapa yang mengikut keredaanNya, dan (dengannya) Tuhan keluarkan mereka dari gelap-gelita (kufur) kepada cahaya (iman) yang terang-benderang, dengan izinNya; dan (dengannya juga) Tuhan menunjukkan mereka ke jalan yang lurus”

Kehidupan Aman dan Sejahtera Satu Keperluan

Melalui kehidupan yang aman dan bertolak ansur akan membolehkan seseorang membangunkan seluruh kekuatan, daya fikiran dan kemampuannya secara harmoni bagi memenuhi segala cita-cita, keperluan tubuh badan serta jiwa mereka dengan cara yang saksama. Salah satu ciri utama masyarakat Islam ialah mengutamakan hidup secara bertolak ansur. Mengulas hal ini Dr. Muhammad Ali al-Hashimi (2002) menyebut:

“Sikap bertolak ansur merupakan aspek istimewa amalan masyarakat Islam. Amalan ini hidup melalui pegangan dalam ajaran Islam yang melihat manusia sebagai makhluk istimewa yang dimuliakan Allah SWT, tanpa mengira bangsa, warna kulit dan anutan kepercayaan agamanya. Kemuliaan manusia tetap dipertahankan, ini jelas dalam sirah dimana Rasulullah bangun menghormati jenazah yang di bawa melalui tempat baginda. Apabila sahabat bertanya kepada baginda tidakkah ini adalah jenazah seorang yahudi, Rasulullah bertanya kembali kepada sahabat, tidakkah dia seorang manusia?”

Pandangan Dr Ali al-Hashimi (2002) menepati realiti semasa bahawa manusia hidup dengan pelbagai aliran kepercayaan. Fakta ini tidak pula membawa implikasi bahawa kaum muslimin boleh memerangi mereka yang menganut kepercayaan agama yang selain daripada Islam.

Fahaman salah seperti ini bertentangan dengan falsafah hidup Islam yang menganjurkan hidup secara bertolak ansur dan saling menghormati sesama manusia walaupun berbeza kepercayaan agama. Selain daripada itu nas yang jelas daripada al-Quran menunjukkan bahawa tiada paksaan kepada yang bukan Islam untuk menganut agama Islam, firman Allah dalam surah al-Baqarah , 2:256 yang maksudnya:

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha mengetahui”

Melalui kehidupan aman dan bertolak ansur, setiap individu dapat mengeksploitasi sumber semulajadi yang ada di dunia dengan saksama untuk kebaikan diri masing-masing dan untuk seluruh manusia. Ringkasnya, inilah cara hidup yang memungkinkan individu dan masyarakat menyelesaikan masalah-masalah moral, spiritual, sosial, ekonomi, politik, serta masalah-masalah antarabangsa dengan cara lurus, licin, seimbang dan adil.

Perkataan Islam itu sendiri membawa maksud aman sejahtera selain itu juga membawa maksud penyerahan dan kepatuhan kepada perintah Allah, yang juga merupakan Pencipta, Tuan Punya dan Penguasa bagi seluruh alam semesta (Sa'id Hawa,1988). Jika seseorang beriman kepada Allah dan berusaha mencari petunjukNya ke jalan yang lurus secara ikhlas, dia akan ditunjukkan jalan tersebut yang membawa kepada keamanan dan kesejahteraan (Masfar bin Ali al-Qahtani, 2008). Mengulas lanjut mengenai fakta ini Dr. Muhammad abd al-Mun'im Khafaji (1982) menegaskan:

“Islam adalah agama yang membina tamadun dan peradaban, sedangkan peperangan membawa kepada kemusnahan dan kehancuran. Kehidupan aman merupakan faktor terpenting yang membantu manusia mencapai kemajuan. Sebaliknya pula peperangan merupakan bencana yang membawa kepada malapetaka dan kemusnahan. Islam mengajak umat manusia mempertahankan kehidupan yang berpaksi pada prinsip kerahmatan, kasih sayang dan kerjasama dalam perkara-perkara yang membawa kepada kebaikan. Hanya dengan mempertahankan keamanan, maka akan tercapai hidup tenang dan mulia”

Penegasan daripada Dr. Muhammad abd al-Mun'im Khafaji (1982) jelas menunjukkan betapa pentingnya kehidupan aman kepada manusia. Melaluinya manusia boleh meneroka kemajuan dan membina tamadun. Melalui kehidupan yang aman maka seluruh umat manusia akan kembali kepada petunjuk Islam dalam semua urusan mereka yang biasa atau dalam persoalan-persoalan yang penting dari segi politik, ekonomi, dan moral, merangkumi aspek-aspek kehidupan yang lebih luas. Ini kerana kesejahteraan dan kemakmuran hanya akan diperolehi dengan mengikuti petunjuk Ilahi. Allah SWT memimpin ke jalan kesejahteraan bagi orang yang bersedia melalui jalan kitabNya dan sunnah RasulNya. Mereka akan terselamat dari fahaman, fikiran serta tindak tanduk yang salah. Mereka juga akan terlepas dari menerima akibat yang buruk kerana cahaya Allah akan membawa mereka ke jalan yang selamat di dunia dan akhirat. Allah adalah sumber kepada keamanan, maka sesiapa yang

memohon kepadaNya untuk mendapat petunjukNya akan dirahmati dengan kesejahteraan, kegembiraan, serta kesempurnaan. Firman Allah SWT dalam surah al-Hasyr, 59:23 yang maksudnya:

“Dia lah Allah, Yang tidak ada Tuhan melainkan dia; Yang Menguasai (sekalian alam); Yang Maha Suci; Yang Maha Selamat Sejahtera (dari segala kekurangan); Yang Maha Melimpahkan Keamanan; Yang Maha Pengawal serta Pengawas; Yang Maha Kuasa; Yang Maha Kuat (menundukkan segala-galanya); Yang Melengkapi Segala KebesaranNya. Maha Suci Allah dari segala yang mereka sekutukan dengannya”.

Musuh-musuh Rasulullah saw menentang dan menghalang baginda daripada menyeru orang ramai ke jalan kesejahteraan (Muhammad ‘Amarah, 2003). Mereka mencaci dan menganiayai baginda serta pengikut baginda. Baginda sangat bimbang akan perbuatan jahat tersebut namun baginda tetap meneruskan dakwah untuk menyeru mereka ke jalan yang sejahtera. Mereka menaburkan fitnah ke atas baginda tetapi baginda membalas mereka dengan ucapan yang baik. Hal ini dirakamkan dalam al-Quran, firman Allah SWT dalam surah al-Zukhruf, 43:89 yang maksudnya:

“(Tuhan menjawab rayuannya dengan berfirman): "Jika demikian, maka janganlah Engkau (wahai Muhammad) hiraukan mereka, dan katakanlah: 'Selamat tinggalah!' kemudian mereka akan mengetahui kelak (akibat keingkaran mereka)”

Semangat baginda tidak pernah luntur untuk berusaha membawa manusia kepada keamanan dan keselamatan dengan mentaati hukum Allah. Baginda tidak putus-putus mengingatkan mereka kepada asas kebenaran Islam. Firman Allah SWT dalam surah al-Ahzab, 33:43 yang maksudnya:

“Dia lah yang memberi rahmat kepada kamu - dan malaikatNya pula (berdoa bagi kamu) untuk mengeluarkan kamu dari gelap-gelita (kufur dan maksiat) kepada cahaya yang terang-benderang (iman dan taat); dan adalah ia sentiasa melimpah-limpah rahmatNya kepada orang-orang yang beriman (di dunia dan di akhirat). Sambutan penghormatan yang akan diberi Tuhan kepada mereka semasa menemuiNya ialah ucapan "Salam" (selamat sejahtera); dan ia telah menyediakan untuk mereka pahala balasan yang mulia”.

Manusia Secara Fitrah Menginginkan Kehidupan Aman Dan Sejahtera

Islam menyatakan bahawa asas kehidupan yang perlu dijalani manusia ialah keamanan dan kesejahteraan. Sementara pilihan untuk berperang adalah pilihan terakhir (Abdul Hamid Mahmud Tahmaz, 1993). Pilihan akhir ini dibenarkan apabila berdepan dengan musuh yang memang berniat buruk untuk membunuh umat Islam dan menghancurkan kepercayaan akidah Tauhid yang menjadi pegangan mereka. Fakta mengenai kelonggaran yang membolehkan

umat Islam berperang di ulas dengan baik oleh Dr. Jamal al-Din Muhammad Mahmud (1992) katanya:

“Islam membenarkan umatnya terlibat dalam peperangan hanya sebagai cara untuk mempertahankan diri. Ia juga diharuskan dengan tujuan mempertahankan saudara seagama yang dizalimi, atau dalam situasi pihak musuh menyerang dan memulakan peperangan. Ia disyariatkan demi mempertahankan diri dan membebaskan negara daripada penjajahan pihak musuh. Islam sama sekali tidak membenarkan umatnya memulakan peperangan dengan pihak musuh secara mengejut tanpa alasan yang munasabah”

Pandangan Dr. Jamal al-Din Muhammad Mahmud (1992) menyerlahkan etika Islam dalam soal peperangan. Berperang dengan pihak musuh bukanlah pilihan utama. Selagi ada jalan maka kaedah yang harus dipilih ialah berdamai dan berunding. Peperangan pastinya akan membawa kepada kemusnahan dan malapetaka bukan sahaja kepada pihak musuh, bahkan juga kepada diri, keluarga, masyarakat dan tanahair. Peperangan hanya wajar sebagai pilihan akhir, apabila tiada pilihan lain dan dengan tujuan yang sangat jelas iaitu mempertahankan diri, masyarakat dan tanahair daripada penjajahan pihak musuh (Abdul Rahman ‘Umairah, 2002).

Isu mengisytiharkan perang ke atas mereka yang tidak sehaluan mazhab atau dengan mereka yang jelas menganut agama yang selain Islam yang ditafsirkan sebagai wajar kerana Islam sahaja agama yang diperakui Allah SWT juga merupakan satu fahaman yang keliru, bahkan salah menurut perspektif al-Quran. Menurut al-Quran memilih agama Islam sebagai anutan kepercayaan adalah gesaan yang bukan berbentuk paksaan. Mereka yang berminat kepada kebenaran dan diberi hidayah pastinya akan memilih agama Tauhid sebagai pilihan terbaik. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, 2:256-257 yang maksudnya:

“Tidak ada paksaan dalam agama (Islam), kerana sesungguhnya telah nyata kebenaran (Islam) dari kesesatan (kufur). Oleh itu, sesiapa yang tidak percayakan taghut, dan ia pula beriman kepada Allah, maka sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali agama) yang teguh yang tidak akan putus. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui. Allah Pelindung (yang mengawal dan menolong) orang-orang yang beriman. Ia mengeluarkan mereka dari kegelapan (kufur) kepada cahaya (iman). Dan orang-orang yang kafir, penolong-penolong mereka ialah taghut yang mengeluarkan mereka dari cahaya (iman) kepada kegelapan (kufur). Mereka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya”

Firman Allah SWT lagi dalam surah al-An’am, 6:151 yang maksudnya:

“Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan

janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahatan-kejahatan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya”

Ayat tersebut merupakan perisytiharan Allah tentang kesucian nyawa manusia telah ditentukan bahawa ia tidak boleh dicerobohi sebagai satu prinsip yang asas. Selagi manusia menghormati hak orang lain untuk hidup tiada seorang pun yang diizinkan untuk membunuhnya. Ini merupakan salah satu daripada sifat-sifat orang yang jujur dan benar iaitu menghargai nyawa manusia. Firman Allah dalam surah al-Furqan, 25:68 yang maksudnya:

“Dan juga mereka yang tidak menyembah sesuatu yang lain bersama-sama Allah, dan tidak membunuh jiwa yang diharamkan Allah membunuhnya, kecuali dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh syarak), dan tidak pula berzina; dan sesiapa melakukan yang demikian, akan mendapat balasan dosanya”

Keharusan Perang Menurut Al-Quran

Menurut perspektif Islam nyawa adalah suci dan dihargai (Yusuf al-Qaradhawi, 1993). Ia memerlukan keadaan yang selamat untuk melindunginya. Oleh itu Islam menganjurkan keamanan sebagai prinsip asas kehidupan. Walaubagaimanapun manusia tidaklah seperti malaikat yang tidak pernah melakukan sebarang kesalahan. Terdapat individu dan kumpulan yang kasar dan agresif yang tidak suka melihat orang lain hidup dalam keadaan selamat dan aman. Mereka melanggar batas-batas moral dan etika serta mencerooboh hak-hak orang lain tanpa sebab-sebab yang munasabah. Sesetengah individu dan masyarakat terpaksa dikawal supaya individu dan masyarakat lain dapat hidup dalam suasana aman.

Apabila terdapat orang yang tidak mahu melihat orang lain hidup aman, dengan mengamalkan kepercayaan mereka sendiri dan merancang untuk membinasakan orang lain, maka pilihan untuk berperang melawan mereka bukan sahaja satu perbuatan yang wajar, malah menjadi tanggungjawab bagi setiap orang Islam. Inilah sebabnya mengapa timbulnya peperangan dalam Islam. Ia bertujuan untuk mengembalikan suasana aman dan teratur supaya orang ramai boleh hidup dalam keadaan yang sejahtera. Seterusnya mengamalkan kepercayaan mereka tanpa perasaan takut atau tertekan. Nabi Muhammad s.a.w. telah melancarkan peperangan untuk mempertahankan pengikut-pengikut baginda daripada penceroboh-penceroboh yang menentang dan menghalang baginda serta para pengikut baginda dalam usaha mereka untuk mematuhi hukum Allah dan menyeru orang lain kepadaNya.

Merujuk sejarah dakwah baginda Rasulullah di Mekah, baginda memulakan dakwah dengan menjadi orang pertama patuh kepada hukum Allah, kemudian menyeru manusia kepada agama Allah SWT dengan nasihat yang baik dan penuh hikmat (Ahmad Ratib ‘Armush,

1991). Ia merupakan seruan terbuka kepada semua, yang disampaikan secara aman. Walaubagaimanapun kaum musyrikin tidak menghargai kebaikan yang ditunjukkan oleh baginda Rasulullah saw. Mereka memulakan penentangan secara kekerasan dengan memerangi baginda dan para sahabat. Lantaran kedegilan dan sikap permusuhan yang ketat di pihak musuh, maka Islam melalui ajarannya yang suci mensyariatkan jihad perang melawan pihak musuh. Pensyariatan ini bertujuan untuk menunjukkan kepada pihak musuh bahawa kaum muslimin memiliki maruah diri yang tinggi yang patut dihormati oleh mereka. Mengupas fakta ini Dr. Wahbah al-Zuhaili (2003) menegaskan:

“Sikap kebencian dan permusuhan yang ada dalam jiwa musuh-musuh Islam memang wujud sejak zaman berzaman dan berlanjutan hingga ke masa yang mendatang. Oleh itu tidak ada cara atau kaedah demi mempertahankan tanahair, harta dan diri sendiri kecuali melibatkan diri dalam perang jihad. Perlu ditegaskan bahawa persiapan perlu dilakukan secara berterusan demi menjaga kesucian agama dan kedaulatan negara umat Islam. Daripada aspek ini memang terdapat banyak ayat al-Quran yang menganjurkan umat Islam melibatkan diri dalam jihad perang dan menyusun strategi perang supaya kedaulatan Islam dan umatnya dapat dipertahankan sepanjang zaman”

Firman Allah SWT dalam surah al-Hajj, 22: 39-40 yang maksudnya:

“Diizinkan berperang bagi orang-orang (Islam) yang diperangi (oleh golongan penceroboh), kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya; dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolong mereka (mencapai kemenangan). Iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, (mereka diusir) semata-mata kerana mereka berkata: "Tuhan Kami ialah Allah". Dan kalaulah Allah tidak mendorong setengah manusia menentang pencerobohan setengahnya yang lain, nescaya runtuhlah tempat-tempat pertapaan serta gereja-gereja (kaum Nasrani), dan tempat-tempat sembahyang (kaum Yahudi), dan juga masjid-masjid (orang Islam) yang sentiasa disebut nama Allah banyak-banyak padanya dan sesungguhnya Allah akan menolong sesiapa yang menolong agamanya (agama Islam); Sesungguhnya Allah Maha Kuat, lagi Maha Kuasa”

Ayat al-Quran di atas mengisytiharkan keharusan bagi kaum muslimin berperang. Allah SWT mengizinkan orang Islam yang disingkir dari kampung halaman mereka secara paksa untuk mengumpulkan tentera bagi mempertahankan diri daripada pencerobohan yang terbuka ini. Ayat al-Quran yang seterusnya bukan sahaja menekankan kepentingan dan keperluan berperang untuk mempertahankan diri, tetapi juga memerintahkan orang Islam supaya berperang untuk membantu manusia yang lemah, wanita dan kanak-kanak yang ditindas serta dianiaya oleh orang lain. Allah SWT berfirman dalam surah al-Nisa', 4: 75 yang maksudnya:

“Dan apakah yang menghalang kamu (maka kamu) tidak mahu berperang pada jalan Allah (untuk menegakkan agama Islam) dan (untuk menyelamatkan) orang-orang yang tertindas dari kaum lelaki, perempuan dan kanak-kanak, Iaitu mereka yang selalu (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! keluarkanlah

kami dari negeri (Mekah) ini, yang penduduknya (kaum kafir musyrik) yang zalim, dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang mengawal (keselamatan agama kami), dan jadikanlah bagi kami dari pihakMu seorang pemimpin yang membela kami (dari ancaman musuh)".

Orang Islam diperintahkan supaya berperang menentang orang yang melakukan kezaliman tanpa rasa takut kepada mereka kerana yang pasti segala yang jahat akan gagal, manakala kebenaran dan kebaikan akhirnya akan mencapai kemenangan. Firman Allah dalam surah al-Nisa', 4: 76 yang maksudnya:

"Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan taghut (syaitan). Oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya syaitan itu adalah lemah".

Kesimpulan

Artikel ini sangat membantu kaum muslimin dan muslimat dalam memahami tuntutan kehidupan aman dalam kehidupan harian serta mengelak daripada terjebak dalam kancuh permusuhan dan peperangan yang tidak menepati kehendak ajaran Islam yang sebenar. Kehancuran dan kemusnahan negara akibat daripada peperangan boleh dielakkan andainya umat Islam khasnya dan masyarakat bukan Islam amnya hidup secara harmoni dan saling menghormati perbezaan kepercayaan agama, mazhab dan budaya yang sememangnya telah ditentukan oleh Allah SWT. Perbezaan tersebut wujud untuk tujuan supaya manusia saling berkenalan dan bermuafakat untuk mencipta tamadun yang cemerlang serta boleh diwarisi sebaiknya oleh generasi yang akan datang.

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmud Tahmaz, (1993). *Huquq al-Insan*. Beirut: Dar al-Shamiyyah.
- Abdul Rahman 'Umairah (Dr.), (2002). *Fursan Min Madrasah al-Nubuwwah*. Al-Qahirah: Dar akhbar al-Yawm.
- Ahmad Ratib 'Armush, (1991). *Qiyadah al-Rasul al-Siyasiyyah wa al-'Askariyyah*. Beirut: Dar al-Nafa 'is.
- Ali Abdul Hamid Mahmud (Dr.), (1994). *Fahm Usul al-Islam*. Al-Qahirah: Dar al-Tawzi' wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Ishak bin Abdullah al-Sa'di (Dr.), (2005). *Tamayyuz al-Ummah al-Islamiyyah*. Riyadh: Matba'ah Jami 'ah al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah.
- Jamal al-Din Muhammad Mahmud (Dr), (1992). *Usul al-Mujtama' al-Islami*. Cet.1. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani.
- Masfar bin Ali al-Qahtani (Dr.), (2008). *Athar al-Manhaj al-Usuli fi Tarshid al-'Amal al-Islami*. Beirut: Al-Shabakah al-'Arabiyyah Lil abhath wa al-Nashr.
- Muhammad 'Abd al-Mun 'im Khafaji (Dr), (1982). *Al-Islam wa al-Hadharah al-Insaniyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-Lubnani
- Muhammad 'Ali al-Hashimi (Dr), (2002). *Al-Mujtama' al-Muslim Kama Yubayyinuhu al-Islam fi al-Kitab wa al-Sunnah*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.

- Muhammad ‘Amarah (Dr.), (2003). *Fi Fiqh al-Hadarah al-Islamiyyah*. Al-Qahirah: Maktabah al-Shuruq al-Dawliyyah.
- Sa‘id Hawa, 1988. *Al-Islam*. Beirut: Dar ‘Ammar.
- Wahbah al-Zuhaili (Dr.), (2003). *Akhlaq al-Muslim ‘Alaqtuhu bi al-Khaliq*. Damshiq: Dar al-Fikr.
- Yusuf al-Qaradhawi (Dr.), (1993). *Malamih al-Mujtama‘ al-Muslim*. Al-Qahirah: Maktabah Wahbah.